

01/11/1997

Asdi bertahan dalam pasaran saham goyah

Ibrahim Muhamad

DALAM kegawatan dunia menghadapi kejatuhan pasaran saham, Amanah Saham Darul Iman (Asdi) masih mampu mengeluarkan dividen 10 peratus bagi tahun kewangan 31 Oktober 1997.

Asdi yang diniagakan berasaskan syariat Islam dibina dengan baik dalam tempoh tiga tahun lalu, tidak dapat dinafikan turut terhakis dengan mendadak seperti banyak kaunter di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Keadaan tidak menentukan itu pastinya membawa sedikit perasaan takut dan panik tetapi di atas kejujuran dan kerja keras pihak pengurusannya, Asdi tetap tabah dan mencari pelbagai ubat walaupun penawar yang digunakan terlalu pahit untuk ditelan.

Hasil kesungguhan itu membuatkan pelabur Asdi tetap memberi keyakinan walaupun harga pasaran Asdi jatuh di bawah paras RM1 mulai pertengahan bulan Jun 1997.

Menyingkap kedudukan Asdi sepanjang tahun ini, semua urusanniaganya secara langsung tidak dapat lari daripada prestasi pasaran di BSKL sendiri walaupun kaunter yang membabitkan Asdi hanya sebahagian yang tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Dalam keadaan pasaran yang muram, sudah pasti prestasi Asdi terjejas sama tetapi kejatuhan nilai Asdi tidaklah seburuk kemerosotan di BSKL dari segi perbandingan peraturan.

Pada 1 November 1996 nilai pasaran aset Asdi ialah RM468.2 juta bersamaan dengan RM1.01 seunit. Ia berada di paras tertinggi tahun ini pada 28 Februari dengan nilai pasaran aset sebanyak RM501.57 juta atau RM1.08 seunit. Berasaskan keadaan pasaran, prestasi Asdi terjejas dengan ketara selepas itu.

Pada 24 Oktober nilai pasaran aset Asdi ialah RM341.95 atau RM0.72 sen seunit, susut sebanyak 27 peratus berbanding dengan nilai pasaran pada awal jangkamasa.

Menurut kenyataan Asdi, bagi tahun berakhir 31 Oktober 1997, Asdi berjaya mengumpulkan pendapatan sebanyak RM42.31 juta. Daripada jumlah itu keuntungan saham menyumbang sebanyak RM29 juta atau 68.53 peratus daripada keseluruhan pendapatan diikuti oleh dividen masing-masing daripada pasaran wang 17.83 peratus dan syarikat-syarikat 13.53 peratus.

Setelah ditolak belanja mengurus, keuntungan sebelum cukai ialah sebanyak RM39.14 juta. Apabila diambil kira pengimbangan pendapatan, pendapatan yang belum diagih dibawa ke hadapan dan lain-lain jumlah pendapatan yang boleh diagih kepada pemegang unit berjumlah RM47.3 juta.

Berdasarkan perolehan dan pendapatan tabung bagi tahun kewangan ketiga yang berakhir pada 31 Oktober 1997, kerajaan negeri mengumumkan pembayaran dividen bersih selepas cukai sebanyak 10 sen seunit berupa 8.5 sen dividen dan 1.5 sen bonus dividen kepada semua pemegang unit yang mendaftar sehingga 31 Oktober 1997.

Ini adalah bersamaan jumlah dividen kasar sebanyak 11 sen seunit berbanding dengan 11 sen seunit tahun lalu. Pembayaran akan dibuat mulai 15 Disember 1997.

Sepanjang tahun ini sahaja sebanyak 21.09 juta unit Asdi dijual beli oleh orang ramai dan institusi berbanding 15.27 juta unit yang dijual balik. Sehingga ini unit Asdi dalam edaran meningkat kepada 472.7 juta berbanding 463.7 juta setahun yang lalu.

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkeyakinan usaha yang bersungguh oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan

Kerajaan Pusat untuk memulihkan BSKL, Asdi akan turut cemerlang dan berupaya memberi dividen yang sama pada tahun kewangan akan datang.
(END)